

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pengasih, Lagi Maha Penyayang



## TEKS KHUTBAH SOLAT HARI RAYA AIDILFITRI 1442H / 2021M

**TAJUK: MENDEPANI SEGALA KEMUNGKINAN DENGAN KEIMANAN, KESABARAN DAN KESYUKURAN**

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَثِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَتَصَرَّ عَبْدُهُ، وَأَعَزَّ جُنْدُهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ. اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah azwj sekalian,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah azwj dengan sebenar-benar takwa dan menjalani kehidupan seharian kita mengikut cara yang telah dipertontonkan oleh Nabi s.a.w. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan keampunan-Nya.

Seiring dengan tenggelamnya matahari di ufuk barat pada petang semalam, seluruh cakrawala dan alam semesta baik di langit mahupun di bumi bergema dengan laungan takbir dan tahmid serta tahlil melantunkan pujian-pujian kepada Dia yang mengurniakan kita dengan nikmat kemenangan di pagi Syawal ini biarpun secara realitinya kita masih lagi diuji dengan pelbagai perkara yang tidak pernah kita bayangkan sebelum ini.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah azwj sekalian,

Tahun ini adalah tahun kedua kita menyambut hari raya Aidilfitri dalam suasana kita masih lagi diuji dengan wabak COVID-19 ini. Dengan angka jangkitan yang semakin meningkat dan jumlah kematian yang amat merisaukan menyebabkan hari raya pada kali ini kita masih lagi dikenakan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sudah tentu menjadi salah satu musibah besar tatkala pagi Syawal yang sepatutnya menjadi hari kegembiraan buat kita semua.

Dalam surah At-Taghabun ayat 11, Allah azwj berfirman,

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدِ اللَّهُ قَلْبَهُ، وَاللَّهُ  
بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

*“Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah; dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar); dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.” (At-Taghabun: 11)*

Melalui ayat Al-Quran ini, kita tidak mempunyai pilihan lain melainkan menundukkan nafsu dan perasaan serta hati kita sepenuhnya kepada Qada' dan Qadar yang telah ditentukan Allah azwj disamping untuk terus berusaha memperbaiki segala sesuatu dalam kehidupan kita agar hari-hari yang mendatang menjanjikan kegembiraan dan kesejahteraan hidup yang berpanjangan. PKP ini hanyalah sebahagian ujian daripada duri-duri kehidupan yang terasa manis jika diadun dengan jiwa yang penuh keimanan.

Natijahnya, Allah azwj akan menyinari hati kita dengan nur iman dan memberi ketenangan dalam mengharungi segala cabaran dan dugaan khususnya ketika mendepani wabak pandemik COVID-19 ini.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah azwj sekalian,

Islam adalah agama rahmat dan kesejahteraan untuk seluruh manusia tanpa mengira warna kulit, bangsa dan agama. Justeru itu, umat Islam dilarang melakukan perbuatan berbahaya dan memberikan kemudaratan kepada orang lain di persekitarannya, sama ada keluarga, masyarakat mahupun rakyat di negaranya tanpa mengira perbezaan agama bahkan kepada dirinya sendiri juga.

Ulama usul fiqh merumuskan kaedah penting ini sebagai qawa'id fiqhiyah, iaitu 'la darar wala dirar' atau tiada mudarat dan tidak memudaratkan.

Ia berdasarkan firman Allah azwj seperti firman-Nya:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ  
رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

*“Dan janganlah kamu berbuat kerusakan di bumi setelah (diciptakan) dengan baik. Berdoalah kepada-Nya dengan rasa takut dan penuh harap. Sesungguhnya rahmat Allah sangat dekat kepada orang yang berbuat kebaikan.” (Al-A'raf: 56)*

Larangan itu turut disebut dalam hadis yang diriwayatkan Sa'ad Ibnu Sinan al-Khudri RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: Tidak boleh melakukan perbuatan yang mudarat dan tidak boleh memudaratkan orang lain. (HR Ibnu Majah)

*Standard of Procedure* (SOP) atau garis panduan bagi membendung wabak COVID-19 yang telah dibentuk dan dilaksanakan kerajaan adalah satu keputusan yang bertepatan dengan konsep mencegah kemudaratan yang lebih besar kepada negara, masyarakat dan setiap individu itu.

Garis panduan ini telah pun mengambil kira pelbagai pandangan pakar melibatkan pakar kesihatan, ekonomi, undang-undang, ahli agama dan sebagainya. Kepatuhan kepada garis panduan tersebut perlu dilihat sebagai satu usaha menyelamatkan nyawa manusia atau hifzun nafs yang juga menjadi satu kefarduan setiap umat Islam untuk mengambil bahagian mematuhi.

Inilah bentuk kesabaran yang diperlukan agar kita saling bantu membantu dan ingat mengingatkan antara satu sama yang lain agar terus bersabar mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan dalam kehidupan seharian.

Bak nasihat para hukamak, dunia ini adalah tempat ujian. Mereka yang berjaya mengharunginya dengan keimanan dan kesabaran pasti mendapat kemenangan. Ujian yang diatur oleh Allah azwj adalah untuk melihat sejauhmana kebergantungan manusia kepada Penciptanya.

*"Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan sabar dan solat. Dan sesungguhnya hal itu sangat berat, kecuali bagi orang-orang yang khusyu', (iaitu) orang-orang yang menyakini, bahawa mereka akan menemui Rabb mereka dan bahawa mereka akan kembali kepada-Nya"* (Al-Baqarah 2:45-46)

Bersamalah kita memperbanyakkan solat dan berdoa kepada Allah azwj mudah-mudahan dengan usaha dan kesabaran mematuhi SOP ini mampu mencegah kemudaratan yang dibawa wabak COVID-19 sehingga tibanya suatu hari nanti kita bebas hidup seperti sediakala dan berkasih sayang, salam bersalaman antara satu sama lain, ziarah menziarahi dan meraikan hari raya tanpa perlu merasa takut dan terancam.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah azwj sekalian,

Ketika rakyat Malaysia masih lagi bersedih dengan pengumuman PKP 3.0 menjelang beberapa hari sebelum Hari Raya, dunia dikejutkan dengan insiden serangan tentera Israel terhadap rakyat Palestin yang sedang beribadat di Masjidil Aqsa. Serangan tersebut bukan sahaja telah melanggar hak beragama dan beribadat bahkan telah mencabul hak asasi sebagai seorang manusia.

Ramai yang terkorban tanpa mengira jantina, usia, orang tua dan kanak-kanak. Perasaan kebinatangan para tentera Israel itu telah menunjukkan betapa rendahnya kedudukan orang Islam di mata mereka. Para pejuang Palestin tetap tidak goyah baik lelaki mahupun wanita bahkan kanak-kanak juga turut berjuang di jalanan bagi mendapatkan kembali tanah ketiga suci bagi umat Islam itu dari terus dinodai oeh tangan-tangan kejam regim zionis.

Kita tetap terus menyokong perjuangan para pejuang Palestin walaupun jauh beribu batu namun tetap terus membantu sekadar yang termampu. Jauh disudut hati, peluang berjihad senantiasa kita cari walaupun bukan dengan mengangkat senjata. Firman Allah azwj di dalam Al Quran,

*"Telah diizinkan berperang bagi mereka yang diperangi kerana sesungguhnya mereka telah dizalimi dan sesungguhnya Allah Maha Kuasa untuk menolong mereka." (QS al-Hajj [22]: 39).*

Bahkan Nabi s.a.w telah pun menyatakan bahawa,

Jihad itu berlangsung sejak Allah mengutusku hingga umatku yang terakhir memerangi Dajjal (HR Abu Dawud).

Begitulah ketentuan Allah azwj yang telah menjadikan jihad melawan musuh Allah adalah amalan rahbaniah untuk umat ini. Apa yang dapat kita ambil iktibar dari peristiwa ini adalah sejauh mana ukuran tahap kesyukuran kita kepada Allah azwj. Tatkala kita mengeluh terpaksa beraya dengan pelaksanaan PKP dan SOP dalam menangani wabak pandemik COVID-19 ini,

saudara-saudara kita di negara-negara bergolak seperti Palestin, Syria dan lain-lain lagi terpaksa bersusah payah berjuang demi meneruskan hidup dan mengelakkan diri serta keluarga mereka dari terbunuh akibat kancah peperangan yang tidak berkesudahan.

Bersyukurlah dengan apa yang telah kita ada kerana yang ada ini sudah menjadi harapan kita untuk terus menikmati hidup yang lebih sejahtera, aman dan bahagia. Bersyukurlah kita masih mampu memakai baju yang cantik dipagi raya, memakan makanan yang sedap dan menikmati suasana raya walaupun dalam keadaan yang sangat serba sederhana.

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu memaklumkan, “*Sesungguhnya jika kamu bersyukur, niscaya Aku akan menambah (nikmat) kepadamu, tetapi jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka pasti azab-Ku sangat berat.*” (Al-Ibrahim: 7)

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ  
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ. اتَّقُوا اللَّهَ، وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى  
أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَنَتَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah azwj sekalian,

Hari ini adalah hari kemenangan buat kita semua. Hari untuk kita bergembira dan meraih kejayaan setelah sebulan mengikat diri, memujuk hati dan melatih fizikal dan mental menjalani kehidupan sebagai penuntut di madrasah bergerak Ramadhan. Diharapkan, setelah sebulan mengharungi suka duka menyempurnakan segala amalan di bulan Ramadhan, kita mampu menjadi manusia yang lebih baik, lebih kuat dan tabah mengharungi segala onak duri kehidupan dan yang paling utama menjadi orang yang bertakwa disisi Allah azwj.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُنِبَ عَلَيْكُمْ الصِّيَامُ كَمَا كُنِبَ عَلَى  
الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ



*“Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa.” (Al- Baqarah 2:183).*

Marilah sama-sama kita menadah tangan dan berdoa;

Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim. Dikaulah Tuhan yang Maha Menguasai timur dan barat,

Yang Maha Mengetahui Zahir dan Batin. Wahai Tuhan yang Maha Pengampun, Ampunilah segala dosa dan kesalahan kami, ampunilah jua kedua ibu bapa kami dan peliharalah mereka seperti mana mereka memelihara kami dari kecil hingga dewasa, ampunilah juga dosa para suami, isteri dan anak-anak kami. Lindungilah kami dari segala bala bencana, wabak dan keburukan yang datang dari segala penjuru arah kehidupan ini.

Ya Allah! Selamatkan kami semua dari wabak pandemik Corona Virus ini. Ya Allah! Selamatkan kami semua di dunia dan akhirat. Ya Allah, terimalah amalan kami sepanjang bulan Ramadhan yang baru sahaja berlalu pergi dan panjangkanlah umur kami sehingga dapat kami berjumpa dimasa akan datang dengan iman dan amal yang lebih baik dari sebelumnya.

Selawat dan salam buat Nabi junjungan, baginda Muhammad S.A.W., keluarga baginda, para sahabat dan seterusnya mereka yang mengikuti mereka itu hingga hari kiamat.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Selesai.